



SIARAN MEDIA

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
17 MEI 2025**

**PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SANTUNI MADANI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
DI KAMPUNG MINYAK BEKU, BATU PAHAT JOHOR**

1. Program Kampung Angkat MADANI dan Santuni MADANI Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) diadakan di Kampung Minyak Beku, Batu Pahat Johor pada 17 Mei 2025.
2. Program Kampung Angkat MADANI merupakan program yang merapatkan jurang antara desa dan bandar dengan melengkapkan kemudahan asas air, elektrik, jalan, lampu jalan, serta kemudahan masyarakat dan capaian internet.
3. “Santuni MADANI” adalah singkatan untuk Program Satu Pemimpin Satu Kampung. Program ini merupakan satu kaedah meningkatkan potensi penduduk kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantauan secara langsung serta libat urus bagi mengenal pasti masalah sosioekonomi dan keperluan penduduk kampung.
4. Pemilihan Kampung Minyak Beku, Batu Pahat, Johor adalah berdasarkan Garis Panduan Pemilihan Program Santuni MADANI Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang menyatakan pemimpin iaitu ketua jabatan perlu memilih kampung kelahiran masing-masing atau tempat dibesarkan untuk dijadikan kampung angkat dan disantuni.
5. Kampung Minyak Beku, Batu Pahat yang merupakan kawasan kelahiran Akauntan Negara Malaysia (ANM), Puan Nor Yati Ahmad telah dipilih sebagai Kampung Angkat dan Santuni MADANI JANM. Kampung Minyak Beku merupakan sebuah kampung di Mukim Minyak Beku, Batu Pahat, Johor, Malaysia. Sebahagian besar penduduknya adalah berbangsa Melayu dan terdapat juga masyarakat orang asli di kampung ini.
6. Antara objektif program ini adalah untuk meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui libat urus pemimpin bersama penduduk bagi

mengenal pasti isu sosioekonomi dan mencadangkan kaedah penyelesaian serta keperluan penduduk setempat selaras dengan prinsip *localized Sustainable Development Goals (SDG)*.

7. Program yang dijalankan adalah;-

- Motivasi bersama anak-anak Kampung Minyak Beku (dikendalikan oleh AKRAB JANM) akan diadakan di dewan SK Minyak Beku;
- Program pemeriksaan dan pameran Kesihatan oleh Pejabat Kesihatan Daerah, Batu Pahat;
- Kaunter Semakan Wang Tak Dituntut (WTD) oleh pasukan dari JANM Johor; dan
- Kaunter pembukaan akaun simpanan iNuri Kids untuk murid SK Minyak Beku yang berusia 12 tahun dan ke bawah. Setiap murid dapat membuka akaun simpanan tersebut dengan permulaan RM20. Program ini adalah dengan kerjasama kolaborasi strategik bersama Bank Rakyat, Batu Pahat, Johor.

8. Projek pembangunan fizikal di bawah projek Kampung Angkat MADANI (KAM) turut akan dijalankan di Kampung Minyak Beku meliputi penambahbaikan infrastruktur berikut;-

- Menaiktaraf kemudahan saluran air paip ke rumah penduduk kampung;
- Membaikpulih Balai Islam Kampung Minyak Beku;
- Membina pagar di sekeliling Tanah Perkuburan Islam Kampung Minyak Beku;
- Menambah prasarana kemudahan transit pengurusan jenazah di Surau Kampung Teluk Buluh, Minyak Beku.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
17 MEI 2025